

# Malaysia berjaya sampaikan mesej kepada AS — Dr. M

UM 18 MAY 2002

Oleh ISMAIL DAUD  
dan ASUKI ABAS

SEPANG 17 Mei Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menfatkan lawatannya selama tiga hari ke Amerika Syarikat (AS) sebagai berjaya terutama dalam usaha menyampaikan mesej Malaysia kepada Presiden George W. Bush dan dunia.

Perdana Menteri berkata, lebih menarik lagi ialah apabila pendirian tegas Malaysia yang tidak dipengaruhi atau menerima tekanan dari mana-mana pihak itu, turut mendapat sokongan dari negara-negara Islam dan negara Barat yang lain.

Menurut beliau, negara-negara terbabit telah memberikan pendapat yang positif terhadap usaha Malaysia khususnya dalam menyelesaikan masalah Palestin.

"Hasrat kita untuk sampaikan pendirian Malaysia kepadanya (Bush) telah tercapai apabila saya dapat menjelaskan pendirian Malaysia berkenaan dengan masalah penganas, keadaan di rantau ini dan juga masalah-masalah antarabangsa yang lain.

"Saya dapati Presiden Bush sanggup mendengar dan juga menyetujui dengan pendapat-pendapat kita khususnya berke-

naan dengan Palestin," katanya pada sidang akhbar sekembalinya dari AS di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) hari ini.

Hampir 2,000 orang menyambut ketibaan beliau. Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri kabinet.

## Iktiraf

Dr. Mahathir berkata, dalam isu Palestin, Presiden AS itu telah menyatakan bahawa AS berdiri teguh dengan keputusannya mengiktiraf negara Palestin.

"Walaupun kita tahu parti Likud di Israel telah menolak penubuhan negara Palestin tetapi Presiden Bush nampak bertegas dalam perkara ini.

"Bagi kita, ini adalah satu kemajuan yang akan menyumbang kepada penyelesaian masalah di Timur Tengah. Lain-lain pendirian Malaysia juga nampak tidak bercanggah dengan pendirian AS," jelasnya.

Beliau berharap kejayaan Malaysia menyampaikan mesej kepada AS dan dunia itu menjadi satu peniup semangat kepada seluruh rakyat Malaysia untuk

■ Lihat muka 4

## Malaysia berjaya sampai ke mesej kepada AS — Dr. M

UM 18 MAY 2002

terus berusaha memastikan keamanan sejagat.

"Kita buat ini bukan kerana kepentingan kita. Kita buat kerana keadilan kepada semua pihak dan untuk menyelesaikan masalah supaya dapat dikurangkan keganasan di dalam dunia," tegasnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berharap AS tidak lagi campur tangan dalam urusan dalaman negara ini sebagaimana Malaysia tidak mencampuri urusan dalaman negara lain.

Katanya, Malaysia hanya mahukan hubungan yang baik dengan AS kerana hubungan yang erat antara dua negara adalah sesuatu yang baik.

"Kita bukan hendak sesuatu daripada AS, cuma hendakkan perhubungan yang baik," katanya ketika diminta mengulas sikap suka campur tangan dalam urusan dalaman negara oleh pentadbiran AS sebelum ini.

Menurut Dr. Mahathir, dengan hubungan yang baik itu, Malaysia dan AS kini bersejua untuk bertukar-tukar maklumat mengenai kegiatan penganas.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, kesediaan Malaysia bertukar-tukar maklumat itu tidak bermakna Malaysia akan menyerahkan sesuatu yang menjadi urusan negara ini kepada pihak lain.

"Sementara kita sanggup bertukar-tukar maklumat, ini tidak bermakna apabila sesuatu itu menjadi urusan negara kita, kita akan serah kepada pihak lain. Itu diterima," jelasnya.

Selain itu, Dr. Mahathir berkata, pentadbiran AS turut mengucapkan tahniah kepada Malaysia kerana membantu menyelesaikan beberapa masalah termasuk pembebasan Aung San Suu Kyi di Myanmar.